

Sokongan wang bagi pelajar yang mahu menyumbang pada masyarakat

PARA pelajar di institusi pengajian tinggi yang mahu memberikan sumbangan kepada masyarakat bakal diberi sokongan kewangan oleh Majlis Belia Kebangsaan (NYC).

Majlis itu akan mengagihkan sejumlah \$1.9 juta – daripada Dana Belia Kebangsaan – selama dua tahun untuk menyokong para pelajar tersebut dalam mengendalikan kajian dan projek kemasyarakatan.

Ini termasuk merealisasikan aspirasi orang muda yang ingin memberikan sumbangan bermakna kepada masyarakat di dalam dan luar negara, atau memulakan inisiatif mereka sendiri demi kebaikan masyarakat.

Demikian diumumkan Pemangku Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Encik Lawrence Wong, di acara

perbincangan meja bulat bersama media, semalam.

Menerusi kerjasama itu, NYC berharap dapat menyediakan pelajar politeknik dan universiti laluan berterusan dalam usaha mengekalkan semangat sukarela, dan untuk menyerap mereka dalam budaya sukarela, kelakuan baik dan sifat kepimpinan, agar mereka dapat terus terlibat dalam masyarakat selepas tamat pengajian dan mula bekerja.

Encik Wong selanjutnya berkata kerjasama itu dapat memberi orang muda “rasa pemeraksanaan” dalam membentuk masyarakat dan “menunjukkan kepada mereka bahawa mereka mempunyai pilihan dan peluang membuat perbezaan”.

Buat masa ini, NYC akan bekerjasama dengan enam institut pengajian tinggi iaitu Politeknik Nanyang (NYP), Po-

liteknik Ngee Ann (NP), Politeknik Singapura (SP), Politeknik Republic (RP), Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Kerjasama tersebut dilakukan berikutan pengumuman baru-baru ini mengenai Dana Belia Kebangsaan berjumlah \$100 juta yang bertujuan menyokong inisiatif belia dari bawah ke atas yang memperjuangkan isu sosial dan masyarakat.

Ia juga menyusuli kerjasama antara Kementerian Kebudayaan, Masyarakat dan Belia (MCCY) dengan Kementerian Pendidikan (MOE) bagi mewujudkan pendekatan sekolah secara menyeluruh untuk melibatkan pelajar menengah dan ketua-ketua pelajar dalam masyarakat menerusi Sekolah-Sekolah Kepimpinan Masyarakat dan Belia (CYL).



ENCIK LAWRENCE WONG: NYC akan beri sejumlah \$1.9 juta untuk selama dua tahun.